

Nama: Kelas: Tarikh:

Tema 5: Jati Diri, Patriotisme dan
Kewarganegaraan

Unit 14: Hidup Berbakti

Kemahiran: Membaca

Standard Pembelajaran: 2.3.1(iv), 5.2.1(ii)(iii)

Arahan: Baca petikan dan nyatakan nilai.

Encik Razak anggota bomba. Beliau datang awal ke tempat kerja pada setiap hari. Beliau sentiasa bersedia untuk menghadapi kes-kes kecemasan.

Encik Razak bertugas untuk memadamkan kebakaran. Beliau menyelamatkan mangsa kebakaran dengan cepatnya. Beliau menyelamatkan sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa.

Selain itu, Encik Razak berperanan untuk menyelamatkan haiwan. Misalnya, beliau menyelamatkan kucing yang terjatuh ke dalam perigi. Beliau juga menangkap haiwan berbisa yang masuk ke dalam rumah seperti ular.

Di samping itu, Encik Razak turut menyelamatkan mangsa bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh. Beliau sanggup bertugas di bawah panas terik atau hujan untuk menyelamatkan mangsa.

Encik Razak merupakan anggota bomba yang bertanggungjawab. Banyak orang kagum akan sikap beliau.

berani

cekal

amanah

berdisiplin

Pernyataan	Nilai
1. Beliau datang awal ke tempat kerja pada setiap hari.	_____
2. Beliau menyelamatkan sesiapa sahaja tanpa mengira bangsa.	_____
3. Beliau juga menangkap haiwan berbisa yang masuk ke dalam rumah seperti ular.	_____
4. Beliau sanggup bertugas di bawah panas terik atau hujan untuk menyelamatkan mangsa.	_____